

PENGHAYATAN NILAI SAKINAH, MAWADDAH DAN RAHMAH DALAM KALANGAN IBU BAPA BERKERJAYA: SOROTAN AWAL DI NEGERI TERENGGANU

THE INTERNALISATION OF SAKINAH, MAWADDAH AND RAHMAH VALUES AMONG WORKING PARENTS: A PRELIMINARY REVIEW IN TERENGGANU

Nik Siti Hajar Ahmad Azhar^{1*}
Azarudin Awang²
Farah Safura Muhammad³
Mohammad Syukri Jalil⁴

¹ Nik Siti Hajar: Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu, Malaysia. (E-mail: niksitihajar98@gmail.com)

² Azarudin Awang: Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu, Malaysia (E-mail: azaru154@uitm.edu.my)

³ Farah Safura Muhammad: Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu, Malaysia (E-mail: farahsafura@uitm.edu.my)

⁴ Mohammad Syukri Jalil: Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu, Malaysia (E-mail: syukrijalil@uitm.edu.my)

*Corresponding author: niksitihajar98@gmail.com

Article history

Received date : 9-5-2026
Revised date : 10-5-2026
Accepted date : 1-6-2026
Published date : 20-6-2026

To cite this document:

Ahmad Azhar, N. S. H., Awang, A., Muhammad, F. S., & Jalil, M. S. (2026). Penghayatan nilai sakinah, mawaddah dan rahmah dalam kalangan ibu bapa berkerjaya: Sorotan awal di negeri Terengganu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (83), 459 – 471.

Abstrak: *Institusi keluarga Islam yang berteraskan nilai sakinah, mawaddah dan rahmah merupakan asas kepada kesejahteraan sosial, namun perubahan sosioekonomi moden telah mengubah dinamika kehidupan berkeluarga, khususnya dalam kalangan ibu bapa berkerjaya. Peningkatan tuntutan kerjaya, tekanan ekonomi dan perubahan gaya hidup telah menjejaskan penghayatan nilai-nilai tersebut, yang dapat dilihat melalui peningkatan kadar perceraian di Malaysia, khususnya di Terengganu, sekali gus mencerminkan jurang antara idealisme konsep keluarga Islam dengan realiti pengamalan dalam masyarakat. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara kritikal dapatan kajian literatur berkaitan konflik kerja-keluarga dan perceraian dalam kalangan ibu bapa berkerjaya serta implikasinya terhadap nilai sakinah, mawaddah dan rahmah dalam kehidupan berkeluarga. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis literatur dengan mensintesis sumber sekunder seperti artikel jurnal, prosiding, tesis dan laporan rasmi yang relevan. Data dianalisis menggunakan analisis tematik bagi mengenal pasti pola dan hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konflik kerja-keluarga, tekanan peranan, kelemahan komunikasi dan ketidakstabilan emosi merupakan faktor utama yang menyumbang kepada konflik rumah tangga dan perceraian. Dalam konteks ini, dapatan mencadangkan bahawa konflik keluarga yang berpanjangan berpotensi menjejaskan pengamalan nilai*

sakinah, mawaddah dan rahmah dalam kehidupan berkeluarga. Oleh itu, kajian ini mencadangkan pembangunan kerangka konseptual yang lebih sistematik dan kontekstual bagi memperkukuh institusi keluarga Muslim, di samping mengisi jurang penyelidikan melalui kajian empirikal pada masa hadapan.

Kata kunci: *Sakinah, mawaddah, rahmah, ibu bapa berkerjaya, konflik kerja-keluarga, perceraian*

Abstract: *The Islamic family institution, grounded in the values of sakinah, mawaddah and rahmah, serves as a fundamental basis for social well-being. However, contemporary socio-economic changes have significantly reshaped family dynamics, particularly among working parents. Increasing career demands, emotional strain and role imbalance contribute to work-family conflict, which in turn affects marital stability. In the Malaysian context, particularly in Terengganu, the consistently rising divorce rates reflect growing instability within family institutions and raise critical questions regarding the gap between the normative ideals of Islamic family values and their practical application in contemporary society. This study aims to critically analyse existing literature on work-family conflict and divorce among working parents and examine their relationship with the values of sakinah, mawaddah and rahmah in family life. The study adopts a qualitative approach through literature analysis, synthesising secondary sources including journal articles, proceedings, theses and official reports. The data are analysed using thematic analysis to identify recurring patterns and relationships among the variables examined. The findings indicate that work-family conflict, role strain, ineffective communication and emotional instability are key factors contributing to marital conflict and divorce. In this context, prolonged family conflict is suggested to potentially affect the practice of sakinah, mawaddah and rahmah within family relationships. Therefore, this study proposes the development of a more systematic and contextualised conceptual framework to strengthen Muslim family institutions, while highlighting the need for future empirical research to examine the internalisation of these values among working parents.*

Keywords: *sakinah, mawaddah, rahmah, working parents, work-family conflict, divorce*

Pendahuluan

Institusi keluarga merupakan asas utama dalam pembentukan struktur sosial serta memainkan peranan signifikan dalam memastikan kelangsungan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh. Dalam perspektif Islam, pembentukan keluarga tidak hanya berasaskan hubungan biologi semata-mata, sebaliknya dipandu oleh kerangka nilai yang bersifat normatif, iaitu *sakinah, mawaddah* dan *rahmah* sebagai teras utama dalam membentuk keseimbangan emosi, spiritual dan sosial dalam hubungan kekeluargaan. Nilai ini bukan sahaja berfungsi sebagai asas keharmonian rumah tangga, malah menjadi indikator penting dalam menilai kualiti kehidupan berkeluarga dalam konteks masyarakat Muslim kontemporari.

Walau bagaimanapun, dinamika perubahan sosioekonomi semasa telah membawa kepada transformasi signifikan dalam struktur keluarga, khususnya dengan peningkatan bilangan ibu bapa berkerjaya. Penglibatan aktif kedua-dua pasangan dalam sektor pekerjaan, walaupun menyumbang kepada kestabilan ekonomi keluarga, turut mewujudkan cabaran baharu dalam aspek pengurusan masa, komunikasi serta pemenuhan tanggungjawab kekeluargaan. Dalam konteks ini, ibu bapa berkerjaya sering berhadapan dengan konflik peranan yang kompleks,

yang berpotensi menjejaskan keseimbangan antara komitmen profesional dan kehidupan berkeluarga.

Realiti semasa di Malaysia memperlihatkan bahawa cabaran keluarga moden bukan sekadar bersifat individu, malah turut memberi implikasi yang lebih luas terhadap kestabilan institusi keluarga. Dalam konteks negeri Terengganu, peningkatan kadar perceraian yang berterusan menunjukkan wujudnya pola ketidakstabilan dalam institusi perkahwinan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025). Fenomena ini turut memperlihatkan cabaran dalam merealisasikan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam kehidupan berumah tangga, sekali gus menonjolkan jurang antara konsep ideal keluarga Islam yang digariskan dalam al-Quran dan al-Sunnah dengan realiti pengamalan nilai-nilai tersebut dalam masyarakat moden (Thorik & Pamula, 2025). Justeru, pemilihan negeri Terengganu sebagai konteks kajian adalah signifikan kerana negeri ini memperlihatkan peningkatan kes perceraian secara konsisten, seterusnya menimbulkan persoalan terhadap tahap penghayatan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam kehidupan keluarga Muslim, khususnya dalam kalangan ibu bapa berkerjaya.

Dalam kerangka ini, penghayatan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* tidak boleh dilihat sebagai elemen simbolik semata-mata, sebaliknya perlu difahami sebagai satu konstruk yang boleh dianalisis secara sistematik dalam konteks kehidupan keluarga moden. Namun demikian, penelitian terhadap tahap penghayatan nilai-nilai ini dalam kalangan ibu bapa berkerjaya masih menunjukkan kelompangan yang signifikan dalam literatur sedia ada. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada perbincangan konseptual atau aspek kesejahteraan keluarga secara umum, tanpa meneliti secara mendalam hubungan antara tuntutan kerjaya dengan penghayatan nilai-nilai tersebut dalam konteks yang lebih spesifik.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis secara kritikal dapatan kajian literatur berkaitan konflik kerja-keluarga dan perceraian dalam kalangan ibu bapa, khususnya dalam konteks negeri Terengganu. Penelitian ini bertujuan untuk memahami secara lebih mendalam faktor-faktor yang menyumbang kepada konflik keluarga serta implikasinya terhadap kestabilan institusi keluarga, di samping meneliti hubungannya dengan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam kehidupan berkeluarga. Selain itu, kajian ini turut berperanan dalam mengenal pasti jurang penyelidikan yang wujud, seterusnya menyediakan asas kepada pembangunan kerangka konseptual yang lebih komprehensif dalam memperkukuh institusi keluarga Muslim berasaskan nilai-nilai Islam.

Konsep *Sakinah*, *Mawaddah* dan *Rahmah* dalam Institusi Keluarga Islam

Dari sudut etimologi bahasa Arab, istilah *sakinah* berasal daripada kata *sakan* atau *sakana* yang membawa maksud tenang, diam, damai, aman dan tenteram. Dalam konteks kekeluargaan, *sakinah* merujuk kepada ketenangan jiwa, kedamaian emosi dan rasa tenteram yang wujud dalam hubungan suami isteri. Istilah *mawaddah* pula berasal daripada akar kata *wadda* yang bermaksud cinta, kasih dan kecenderungan untuk memberi, sekali gus menggambarkan kasih sayang yang mendalam, aktif dan disertai kesediaan untuk berkorban. Sementara itu, *rahmah* berasal daripada kata *rahima* yang membawa maksud belas kasihan, kelembutan dan kasih sayang yang mendorong seseorang untuk memberi manfaat serta menghindarkan kemudaratan terhadap orang lain. Justeru, ketiga-tiga konsep ini membentuk asas nilai kekeluargaan Islam yang menekankan ketenangan, cinta, belas ihsan dan tanggungjawab dalam kehidupan rumah tangga (Iranti et al., 2025).

Dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), *sakinah* ditakrifkan sebagai perasaan tenang dan tenteram dalam diri seseorang atau sesuatu pihak, termasuk keadaan kehidupan yang tenang dan tenteram. Istilah *mawaddah* pula merujuk kepada kasih sayang, khususnya dalam hubungan antara suami isteri. Sementara itu, istilah *rahmah* dalam konteks ini dapat dikaitkan dengan perkataan *rahmat* dalam Kamus Dewan, yang membawa maksud belas kasihan, kurnia, berkat, bahagia, kelebihan, hikmah, faedah dan kegunaan. Berdasarkan takrifan ini, ketiga-tiga nilai tersebut dapat difahami sebagai asas penting dalam pembentukan keluarga Islam yang menekankan ketenangan, kasih sayang, belas ihsan dan keberkatan dalam kehidupan berumah tangga.

Konsep *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* merupakan asas fundamental dalam pembentukan institusi keluarga menurut perspektif Islam dan ketiga-tiga konsep ini mempunyai asas yang jelas dalam al-Quran, khususnya melalui firman Allah SWT dalam surah al-Rum ayat 21:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir”.

Ayat ini memperlihatkan bahawa institusi perkahwinan dalam Islam dibina atas tiga asas utama, iaitu *sakinah* merujuk kepada ketenangan dan ketenteraman jiwa, manakala *mawaddah* menggambarkan kasih sayang yang bersifat dinamik dan berorientasikan keinginan untuk saling mendekat, sementara *rahmah* menekankan dimensi belas kasihan, empati serta keupayaan memaafkan dalam hubungan kekeluargaan (Fitriani & Saifulloh, 2025; Supaat & Fa'atin, 2019). Oleh itu, ketiga-tiga nilai ini bukan sahaja berfungsi sebagai prinsip normatif dalam hubungan suami isteri, malah membentuk kerangka nilai yang menyeluruh dalam mengatur keseimbangan emosi, spiritual dan sosial dalam kehidupan berkeluarga (Anugrah et al., 2025; Suryani & Kadi, 2020).

Dalam konteks ini, hubungan antara ketiga-tiga konsep tersebut bersifat saling melengkapi, di mana *mawaddah* dan *rahmah* bertindak sebagai pemangkin kepada pembentukan *sakinah* dalam sesebuah keluarga (Rahmadani et al., 2024; Syah et al., 2023). Keluarga yang berjaya menginternalisasikan nilai-nilai ini bukan sahaja mencapai kestabilan emosi, malah berupaya membentuk persekitaran yang kondusif bagi perkembangan sahsiah anak-anak serta kesejahteraan psikososial ahli keluarga secara keseluruhan (Ibrahim & Sukarno, 2023). Justeru, penghayatan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* perlu difahami sebagai satu proses internalisasi yang berterusan dan bukan sekadar idealisme normatif semata-mata.

Walau bagaimanapun, literatur sedia ada menunjukkan bahawa perbincangan berkaitan konsep ini sering bersifat konseptual tanpa pengukuran empirikal yang jelas terhadap tahap penghayatannya dalam kehidupan sebenar (Mustafa et al., 2025). Kekurangan pendekatan yang bersifat kuantitatif dan analitikal dalam menilai konstruk ini menyebabkan pemahaman

terhadap keberkesanan pengamalan nilai-nilai tersebut dalam konteks keluarga moden masih terbatas. Hal ini menegaskan keperluan kepada satu pendekatan yang lebih sistematik bagi mengukur tahap penghayatan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* sebagai konstruk yang boleh dianalisis secara empirikal.

Konflik Kerja-Keluarga dalam Kalangan Ibu Bapa

Keluarga dalam Islam merupakan institusi sosial asas yang terbentuk melalui ikatan perkahwinan dan berperanan penting dalam membina kesejahteraan masyarakat. Secara asasnya, keluarga terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak yang saling melengkapi peranan masing-masing. Suami berperanan sebagai ketua keluarga yang bertanggungjawab memberi nafkah, perlindungan dan keselamatan, manakala isteri berperanan dalam pengurusan rumah tangga, serta perkembangan akhlak anak-anak. Anak-anak pula merupakan amanah yang perlu dibimbing dalam suasana keluarga yang penuh kasih sayang dan berteraskan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah*. Oleh itu, keseimbangan peranan antara suami, isteri dan anak menjadi penting bagi pembentukan keluarga Muslim yang sejahtera (Fathurrahman & Tirmidzi, 2025). Dalam realiti kehidupan moden, perkembangan sosioekonomi moden telah membawa kepada peningkatan signifikan dalam penglibatan ibu bapa dalam sektor pekerjaan, sekali gus mewujudkan fenomena keluarga dwi-kerjaya yang semakin dominan dalam masyarakat (Aziz et al., 2023). Walaupun situasi ini menyumbang kepada kestabilan ekonomi keluarga, ia turut mencetuskan cabaran baharu yang memberi kesan langsung terhadap penghayatan nilai-nilai kekeluargaan.

Antara konflik utama yang dikenal pasti daripada konflik kerja-keluarga adalah berpunca daripada ketidakmampuan individu untuk menyeimbangkan tuntutan profesional dengan tanggungjawab domestik (Rashidah et al., 2020; Khoirunnisa et al., 2023). Tekanan kerja yang tinggi, kekangan masa serta keletihan fizikal dan emosi telah mengurangkan peluang interaksi berkualiti antara pasangan dan anak-anak, sekali gus menjejaskan proses internalisasi nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam kehidupan seharian (Rosyida, 2019).

Selain itu, ibu bapa berkerjaya turut berhadapan dengan tekanan peranan yang kompleks, khususnya dalam kalangan wanita yang perlu mengimbangi tanggungjawab sebagai isteri, ibu dan pekerja secara serentak (Thorik & Pamula, 2025). Tekanan ini bukan sahaja memberi kesan kepada kesejahteraan individu, malah berpotensi mencetuskan konflik rumah tangga sekiranya tidak diurus dengan berkesan (Adem, 2023; Annaprimadoniati et al., 2021). Dalam konteks ini, kelemahan dalam pengurusan masa, komunikasi serta sokongan emosi dikenal pasti sebagai faktor yang menyumbang kepada ketidakstabilan hubungan kekeluargaan (Effendi, 2025; Aziz et al., 2023).

Namun demikian, kebanyakan kajian terdahulu cenderung menumpukan kepada cabaran ibu bapa secara umum tanpa mengaitkannya secara langsung dengan tahap penghayatan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah*. Kekurangan integrasi antara dimensi kerjaya dan dimensi nilai keagamaan ini menunjukkan wujudnya jurang penyelidikan yang signifikan dalam literatur sedia ada.

Fenomena Perceraian dalam Institusi Keluarga Muslim

Perceraian dalam Islam merupakan jalan keluar terakhir yang dibenarkan apabila sesebuah perkahwinan tidak lagi dapat dipertahankan. Namun demikian, perceraian bukanlah suatu perkara yang digalakkan kerana Islam meletakkan perkahwinan sebagai institusi yang perlu dipelihara berasaskan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah*. Oleh itu, perceraian sewajarnya

berlaku hanya setelah usaha perdamaian, komunikasi dan penyelesaian konflik tidak lagi berkesan. Dalam konteks masyarakat, perceraian bukan sahaja memberi implikasi sosial kepada pasangan dan anak-anak, malah turut mempengaruhi struktur keluarga serta membentuk persepsi tertentu terhadap keluarga bercerai. Sehubungan itu, peningkatan kadar perceraian dalam masyarakat Muslim masa kini perlu dilihat sebagai isu yang berkait rapat dengan kestabilan institusi keluarga dan penghayatan nilai kekeluargaan Islam.

Peningkatan kadar perceraian dalam masyarakat Muslim masa kini bukan sahaja memperlihatkan ketidakstabilan institusi perkahwinan, malah menunjukkan wujudnya jurang yang ketara antara kerangka normatif keluarga Islam yang berteraskan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dengan realiti pengamalan dalam kehidupan moden. Walaupun kadar perkahwinan di Malaysia kekal stabil dan menunjukkan peningkatan pasca pandemik COVID-19, trend perceraian sebaliknya memperlihatkan ketidakstabilan yang berterusan, sekali gus menimbulkan persoalan terhadap kualiti hubungan dalam institusi perkahwinan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025; Jones, 2021).

Dalam konteks geografi, negeri Terengganu memperlihatkan pola perceraian yang lebih membimbangkan berbanding negeri-negeri lain di Pantai Timur Semenanjung Malaysia seperti Kelantan dan Pahang. Walaupun ketiga-tiga negeri ini berkongsi latar belakang sosio-budaya dan pegangan agama yang hampir serupa, Terengganu menunjukkan trend turun naik yang tidak stabil serta kadar perceraian yang relatif lebih tinggi dan berterusan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025). Fenomena ini mencadangkan bahawa isu perceraian tidak boleh ditanggapi sebagai manifestasi umum yang seragam, sebaliknya mencerminkan kewujudan dinamika khusus yang lebih kompleks dalam konteks tempatan.

Lebih signifikan, data terkini menunjukkan bahawa peningkatan kes perceraian di Terengganu berlaku secara konsisten pasca pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Bilangan kes meningkat daripada 2,451 kes pada tahun 2022 kepada 2,766 kes pada tahun 2023, dan seterusnya mencecah 2,920 kes pada tahun 2024 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025). Trend ini menunjukkan bahawa penurunan kes perceraian semasa tempoh pandemik hanyalah bersifat sementara, manakala peningkatan berterusan selepas itu mencerminkan kegagalan mekanisme sedia ada dalam menstabilkan institusi kekeluargaan secara berkesan.

Jadual 1: Kes Perceraian di Negeri Terengganu (2022-2024)

Tahun	Bilangan Kes Perceraian
2022	2,451
2023	2,766
2024	2,920

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2025)

Dalam kerangka analisis yang lebih mendalam, peningkatan kes perceraian ini tidak boleh dijelaskan semata-mata melalui faktor luaran seperti tekanan ekonomi atau perubahan sosial, sebaliknya turut melibatkan dimensi dalaman kehidupan berkeluarga, khususnya tahap penghayatan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam kalangan pasangan suami isteri. Kegagalan menginternalisasikan nilai-nilai ini berpotensi mencetuskan konflik rumah tangga yang berpanjangan, seterusnya membawa kepada keretakan hubungan perkahwinan (Aziz & Musa, 2023; Muhammad et al., 2023).

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa konflik rumah tangga merupakan antara faktor dominan yang menyumbang kepada perceraian, termasuk isu kecurangan, campur tangan pihak ketiga serta kelemahan komunikasi antara pasangan (Ali et al., 2024; Soh et al., 2021). Selain itu, pengaruh media sosial dalam kehidupan moden turut dikenal pasti sebagai faktor yang mempercepatkan konflik rumah tangga melalui peningkatan rasa cemburu, pengabaian tanggungjawab keluarga serta pendedahan kepada hubungan luar yang tidak sihat (Rosli et al., 2025).

Di samping itu, tekanan emosi dan psikologi dalam kalangan pasangan, khususnya dalam konteks ibu bapa berkerjaya, turut menjadi penyumbang signifikan kepada ketidakstabilan rumah tangga. Ketidakupayaan mengurus tekanan kerja, beban kewangan serta konflik peranan antara kerjaya dan keluarga boleh menjejaskan kestabilan emosi dan seterusnya menghakis nilai empati, toleransi dan kasih sayang dalam perkahwinan (Fui et al., 2022; Loo et al., 2023; Zafri et al., 2024). Dalam situasi ini, nilai *sakinah* yang merujuk kepada ketenangan, mawaddah sebagai manifestasi kasih sayang, dan *rahmah* sebagai belas kasihan semakin terhakis, sekali gus meningkatkan risiko perceraian dalam kalangan pasangan Muslim (Mushlihati & Hudaya, 2022; Zulkifli et al., 2022).

Berikut adalah analisis tematik yang disusun secara sistematik mengikut dapatan kajian literatur yang dibincangkan. Tema-tema utama yang dikenal pasti dirumuskan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Analisis Tema Sorotan Karya Berkaitan Konflik Kerja-Keluarga, Penghayatan Nilai dan Perceraian

Tema Berstruktur	Elemen & Faktor	Rumusan Analitikal
1. Konflik Kerjaya dan Peranan	Pertembungan Domestik-Kerjaya	Pasangan dalam sistem dwi-kerjaya mengalami hambatan besar bagi menyeimbangkan tanggungjawab profesional dengan keperluan rumah tangga.
	Ketegangan Peranan (<i>Role Strain</i>)	Kesan mendalam terhadap wanita yang mengimbangi pelbagai identiti peranan secara serentak, yang akhirnya mengundang keletihan fizikal tahap kronik.
2. Dinamika Hubungan Sosial	Hambatan Komunikasi	Kualiti interaksi terjejas akibat kekangan masa, sekali gus meningkatkan risiko salah faham yang lebih tinggi antara pasangan yang bekerja.
	Kerapuhan Emosi	Tahap stres pekerjaan yang tinggi sering kali mengakibatkan tindakan luar kawalan dan kurang

			pertimbangan menguruskan perkahwinan.	dalam konflik
3. Kemerosotan Nilai Rohani	Krisis (<i>Sakinah</i>)	Keamanan	Institusi kehilangan ekoran suasana yang ketegangan.	kekeluargaan kedamaian jiwa rumah tangga sentiasa dalam
	Hakisan <i>Rahmah</i>	<i>Mawaddah</i> &	Sifat empati dan kasih sayang menjadi pudar apabila pasangan berada dalam fasa kelesuan emosi yang berlarutan.	
4. Implikasi Sosiologikal	Kecenderungan Perceraian		Data kes di Terengganu yang meningkat secara tetap menggambarkan kelemahan mekanisme sedia ada dalam mengukuhkan kestabilan keluarga.	
	Faktor Luaran & Media		Kesan media sosial, penglibatan pihak ketiga, serta isu kecurangan menjadi pemangkin kepada kerosakan ikatan perkahwinan.	

Secara keseluruhannya, tema-tema yang dirumuskan dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa konflik kerja–keluarga bukan sahaja memberi kesan kepada aspek peranan dan komunikasi, malah turut berimplikasi terhadap penghayatan nilai rohani dalam keluarga serta kestabilan institusi perkahwinan.

Trend Perceraian dalam Konteks Negeri Terengganu

Peningkatan kes perceraian dalam konteks masyarakat Muslim, khususnya di Terengganu, perlu dilihat sebagai fenomena berstruktur yang berkait rapat dengan kelemahan penghayatan nilai kekeluargaan Islam dalam kehidupan moden. Walaupun terdapat pelbagai kajian yang membincangkan faktor-faktor perceraian secara umum, penelitian yang menghubungkan fenomena ini secara langsung dengan tahap penghayatan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam kalangan ibu bapa berkerjaya masih terhad. Kekurangan kajian yang bersifat kontekstual ini menunjukkan wujudnya jurang penyelidikan yang signifikan, khususnya dalam memahami bagaimana tekanan kehidupan moden mempengaruhi penghayatan nilai-nilai tersebut serta implikasinya terhadap keutuhan institusi keluarga di negeri Terengganu.

Berdasarkan analisis literatur, dapat disimpulkan bahawa masih wujud jurang penyelidikan yang ketara dalam kajian berkaitan penghayatan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah*. Pertama, kebanyakan kajian terdahulu lebih bersifat konseptual dan deskriptif tanpa mengukur tahap penghayatan nilai-nilai tersebut secara empirikal (Mustafa et al., 2025). Kedua, kajian

yang mengintegrasikan dimensi tuntutan kerjaya dengan penghayatan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* masih terhad, khususnya dalam kalangan ibu bapa berkerjaya.


Selain itu, kajian yang memfokuskan kepada konteks geografi tertentu seperti negeri Terengganu masih kurang diberi perhatian, walaupun negeri tersebut mencatatkan kadar perceraian yang tinggi dan berterusan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025). Ketiadaan kajian yang bersifat kontekstual ini menyukarkan usaha untuk memahami secara mendalam faktor-faktor yang mempengaruhi kestabilan institusi keluarga dalam persekitaran sosio-budaya yang spesifik. Lebih kritikal, literatur sedia ada kurang meneliti hubungan antara penghayatan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dengan pembentukan keluarga sejahtera secara holistik. Kekurangan kerangka konseptual yang mengintegrasikan ketiga-tiga elemen ini dalam konteks kehidupan keluarga moden menunjukkan keperluan kepada satu pendekatan penyelidikan yang lebih komprehensif dan sistematik. Sehubungan itu, kajian ini signifikan dalam mengisi jurang penyelidikan tersebut dengan meneliti secara kritikal tahap penghayatan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam kalangan ibu bapa berkerjaya serta implikasinya terhadap pembentukan keluarga sejahtera, khususnya dalam konteks negeri Terengganu.

Oleh yang demikian, analisis literatur menunjukkan bahawa konflik kerja-keluarga merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan konflik rumah tangga dan perceraian, khususnya melalui tekanan emosi yang dialami oleh ibu bapa. Dalam konteks negeri Terengganu yang mencatatkan kadar perceraian yang tinggi, fenomena ini menimbulkan persoalan kritikal terhadap sejauh mana nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dihayati dalam kehidupan berkeluarga, walaupun tiada bukti empirikal langsung yang mengukur tahap penghayatan nilai tersebut. Dapatan ini mencadangkan kewujudan jurang antara kerangka normatif keluarga Islam dengan realiti amalan dalam kalangan ibu bapa berkerjaya yang berhadapan dengan tekanan peranan dan kekangan masa.

Secara lebih khusus, analisis menunjukkan bahawa tuntutan kerja yang tinggi dan ketidakseimbangan antara peranan profesional dan domestik telah mengurangkan kualiti interaksi dalam keluarga. Kekangan masa dan keletihan emosi menyebabkan komunikasi antara pasangan menjadi terhad dan kurang efektif, sekali gus meningkatkan risiko salah faham serta konflik berpanjangan. Dalam keadaan ini, keupayaan pasangan untuk mengurus konflik secara konstruktif semakin lemah, dan elemen empati, toleransi serta kasih sayang yang menjadi teras kepada nilai *mawaddah* dan *rahmah* sukar dizahirkan dalam kehidupan seharian.

Selain itu, tekanan emosi yang berpunca daripada beban kerja dan cabaran kehidupan moden turut menyumbang kepada ketidakstabilan hubungan rumah tangga. Individu yang berada dalam keadaan tekanan tinggi cenderung bertindak secara reaktif dan kurang rasional, yang seterusnya mempercepatkan eskalasi konflik keluarga. Situasi ini menghalang pembentukan suasana *sakinah* dalam rumah tangga, kerana ketenangan dan kestabilan emosi tidak dapat dicapai secara konsisten. Dalam konteks ini, perceraian dapat ditafsirkan sebagai manifestasi kepada kegagalan mengurus konflik keluarga secara berkesan dalam kerangka nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah*. Peningkatan kadar perceraian di Terengganu menunjukkan bahawa konflik keluarga yang berpunca daripada tekanan kerja dan ketidakseimbangan peranan tidak diselesaikan secara konstruktif. Walaupun literatur tidak secara langsung mengukur tahap penghayatan nilai-nilai tersebut, dapatan ini mencadangkan bahawa konflik keluarga yang berpanjangan berpotensi menghakis pengamalan nilai tersebut dalam kehidupan berkeluarga. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa konflik kerja-keluarga, tekanan emosi dan perceraian saling berkait dalam satu kitaran yang kompleks. Konflik kerja

mencetuskan tekanan emosi, yang seterusnya melemahkan komunikasi dan meningkatkan konflik rumah tangga, sehingga akhirnya membawa kepada perceraian. Kitaran ini menimbulkan persoalan kritikal terhadap keberkesanan penghayatan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam konteks keluarga berkerjaya, sekali gus menonjolkan keperluan kepada pendekatan yang lebih holistik dalam menangani isu ini. Berdasarkan sorotan karya yang telah dibincangkan, kajian ini mencadangkan satu kerangka konseptual yang memperlihatkan hubungan antara konflik kerja-keluarga, tekanan emosi dan perceraian serta implikasinya terhadap penghayatan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam kalangan ibu bapa berkerjaya seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Konflik Kerja-Keluarga dan Implikasinya terhadap Penghayatan Nilai *Sakinah*, *Mawaddah* dan *Rahmah*

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa peningkatan kadar perceraian dalam kalangan ibu bapa berkerjaya, khususnya di negeri Terengganu, berkait rapat dengan konflik kerja-keluarga dan tekanan emosi yang menjejaskan kestabilan institusi keluarga. Walaupun nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* merupakan asas dalam pembentukan keluarga Islam, dapatan kajian mencadangkan bahawa penghayatan nilai tersebut berhadapan dengan cabaran dalam realiti kehidupan moden, khususnya dalam kalangan keluarga dwi-kerjaya. Kerangka konseptual yang dicadangkan dalam kajian ini turut memperlihatkan bahawa konflik kerja-keluarga, tekanan emosi, kelemahan komunikasi dan konflik rumah tangga perlu ditangani secara bersepadu bagi mengelakkan hakisan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam institusi keluarga. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa kelemahan mengurus konflik keluarga secara berkesan bukan sahaja berpotensi menyumbang kepada peningkatan perceraian, malah memberi kesan terhadap kesejahteraan emosi ahli keluarga serta kestabilan sosial secara keseluruhan. Oleh itu, pendekatan yang lebih menyeluruh diperlukan bagi memperkukuh institusi keluarga dalam konteks semasa.

Sehubungan itu, pada peringkat negeri, agensi berkaitan disarankan untuk memperkasa program pendidikan kekeluargaan yang menekankan kemahiran komunikasi, pengurusan konflik serta keseimbangan kerja-keluarga berteraskan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah*. Intervensi seperti kaunseling keluarga dan sokongan komuniti juga perlu diperkukuh bagi membantu pasangan menghadapi tekanan kehidupan dengan lebih efektif. Pada peringkat individu, ibu bapa berkerjaya perlu meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pengurusan emosi, komunikasi berkesan dan pengamalan nilai empati serta toleransi dalam kehidupan berkeluarga. Selain itu, kajian masa hadapan disarankan untuk meneliti secara empirikal tahap penghayatan nilai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam kalangan ibu bapa berkerjaya bagi membangunkan model intervensi yang lebih kontekstual dan berkesan.

Rujukan

- Ali, N. M., Bakar, M. A., Othman, M. Z., Yusoff, U., Ishak, N. H., & Mulian, S. A. (2024). Issues and challenges in the enforcement of third-person interference in marriage in the state of Kedah. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(8), 296-303.
- Anugrah, Z. D., Fasya, N. G., Haurani, N. D., Rosmawati, R., & Firdaus, D. (2025). Islam dan Konsep Keluarga Sakinah. *Tashdiq: Jurnal Kajian Agama dan Dakwah*, 15(4), 31-40.
- Aziz, A., & Musa, N. N. (2023). Pengurusan Krisis Rumah Tangga dalam Mencapai Kesejahteraan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1). 1-21.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi ke-4). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fathurrahman, I., & Tirmidzi. (2025). Upaya mewujudkan keluarga sakinah dalam keluarga karir. *Dialog Legal*, 1(1), 51-58.
- Fitriani, N. (2023). Intimate Relationship dalam Keluarga Islam (Studi Upaya Membangun Keharmonisan Keluarga Pekerja Industri Batik pada Masa Pandemi COVID-19 di Desa Trusmi Kecamatan Plered Kabupaten Cirebon). *Inklusif (Jurnal Pengkajian Penelitian Ekonomi Dan Hukum Islam)*, 8(2), 177-198.
- Ghani, N. A., Norris, I. N. H., Abdullah, B., Ahmad, Mohd. F., Zulkifli, N. I., & Hasan, M. R. (2017). Divorce Trends among the Malay Community in Perlis, Malaysia over a Ten-Year Period (2006 ~ 2015). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(4). 269-284.
- Ibrahim, D., & Sukarno, S. (2023). The Effect of Metacognition and Scientific Attitude on the Success in Forming Sakinah Mawaddah Warahmah Families in Career and Non-Career Women. *INFERENSI Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan*, 17(1), 107-128.
- Iranti, M., Muthi'ah, Zahara, R., Binasti, Septiani, E. Z., Kartika, Y., Yesi, R., & Noviani, D. (2025). Membangun rumah tangga sakinah: Panduan praktis dari al-Qur'an dan Sunnah. *JISEF: Journal of International Sharia Economics and Financial*, 4(1), 08-24.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). Perangkaan Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk. Kementerian Ekonomi Jabatan Perangkaan Malaysia. Putrajaya: Malaysia.
- Jones, G. W. (2021). Divorce in Malaysia: Historical Trends and Contemporary Issues. *International Journal of Institutions and Economies/Institutions and Economies*, 13(4), 35-60.
- Loo, M. W., Kuah, C., & Liew, F. M. (2023, February). Factors affecting subjective financial well-being of emerging adults in Malaysia. In *Proceedings of the 10th International Conference on Business, Accounting, Finance and Economics (BAFE 2022)* (pp. 132-148).

- Masri, M. (2024). KONSEP KELUARGA HARMONIS DALAM BINGKAI SAKINAH, MAWADDAH, WARAHMAH. *Jurnal Tahqiqa Jurnal Ilmiah Pemikiran Hukum Islam*, 18(1), 109-123.
- Mezalan, N. E., & Mohd Juaini, N. J. (2023). Psychological Adjustment among Divorced Women. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*.
- Mohamad, R. E. (2021). Punca Penceraian Pasangan Dewasa Islam: Perspektif Badan Pelaksana. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 368-390.
- Muhammad, F., Abubakar, A., & Haddade, H. (2023). Implementasi Konsep Keluarga Sakinah Dan Sibaliparriq Dalam Pencegahan Kekerasan Dalam Rumah Tangga (KDRT). *Qolamuna Jurnal Studi Islam*, 8(2), 49-65.
- Muklisin, M. (2023). The Kafaah Concept of The Sakinah Family in Muslim Generation Based on Islamic Law. *Jurnal Pembaharuan Hukum*, 10(1), 148-164.
- Munawar Ismail & Shahizan Ali. 2018. *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam*. Bangi: UKM Publications.
- Mushlihati, M., & Hudaya, H. (2022). Kelembutan dalam Rumah Tangga sebagai Tanda Kebaikan: Studi Takhrij Hadis dan Pemaknaan dengan Pendekatan Psikologi. *Jurnal Ilmiah Ilmu Ushuluddin*, 21(2), 143-158.
- Mustafa, Z., Salim, H., Rahman, N. E. A., Din, N. M. N., & Embong, R. (2025). Positive Practices in Building Harmonious Households in Terengganu. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(10), 9143-9146.
- Muzan, A., Muir, S., Basri, H., Gemilang, K. M., & Darulhuda, D. (2023). Mitigasi Konflik Rumah Tangga dalam Upaya Menjaga Keutuhan Keluarga Sakinah. *Hukum Islam*, 22(2), 52-72.
- Pitrotussaadah, P. (2022). Konseling Pranikah untuk Membentuk Keluarga Sakinah dan Menekan Angka Perceraian. *Jurnal Perspektif*, 6(1), 25-40.
- Putra, M. Y., & Ahyadin, A. (2023). Konsep Ta'aruf Sebelum Pernikahan Dalam Mewujudkan Keluarga Sakinah Perspektif Imam Syafi'i. *SANGAJI: Jurnal Pemikiran Syariah Dan Hukum*, 7(2), 176-198.
- Rahmadani, G., Arfa, F. A., & Nasution, M. S. A. (2024). Konsep Pernikahan Sakinah Mawaddah Dan Warahmah Menurut Ulama Tafsir. *Jurnal Darma Agung*, 32(1), 220-230
- Rashidah, Rokyah & Razasah. 2020. Cabaran dalam pembentukan akhlak anak-anak pada era globalisasi: merentasi revolusi industri 4.0. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 24 & 25 November, hlm. 33-42.
- Rosli, F. S., Zahari, N. N., Faizolakhman, N. I., & Rosidi, M. H. (2025). The influence of social media on marital conflict: An analytical study through the lens of Maqasid Al-Shariah in preserving family stability and dignity. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(7), 598-608.
- Ridwan, R., Romdiyani, R., Hilmiati, A., & Pakarti, M. H. A. (2023). Surat Ar-Ruum Ayat 21 Petunjuk Tuhan untuk Menjalankan Nilai-Nilai Pendidikan dalam Keluarga Usrah. *Jurnal Hukum Keluarga Islam*, 3(2), 143-162.
- Rokhianto, M., & Arifin, M. (2023). Efisiensi Bimbingan Pranikah oleh Penyuluh Agama Islam dalam Upaya Membentuk Keluarga Sakinah di Kua Srengat. *SINDA: Comprehensive Journal of Islamic Social Studies*, 3(2), 84-94.
- Shahwir, S. F., Haniff, W. A. A. W., Ali, A., Ismail, N., Yusoff, R. M., & Yusof, Z. (2025). Proposed Solutions to Marital Crises During the Covid-19 Era According to Islamic

- Methods and the Islamic Family Law Enactment (State of Johor) 2003: A Study in the State of Johor. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(9): 3100-3190.
- Soh, R. C., Hak, N. A., Hashim, N. M., & Said, M. H. M. (2021). Repercussions of Martial Infidelity in Malaysia: A Legal Response. *IIUMLJ*, 29, 91.
- Supaat, S., & Fa'atin, S. (2019). The Muslim Millennial family typology: the role of Muslim family circumflex model to avoid parents' violent behavior against children in Indonesia. *Indonesian Journal of Islam and Muslim Societies*, 9(1), 57-81.
- Suryani, A., & Kadi, K. (2020). Konsep Sakinah Mawaddah Wa Rahmah Menurut M. Quraish Shihab dan Relevansinya Terhadap Pendidikan Anak dalam Keluarga. *MAALIM Jurnal Pendidikan Islam*, 1(1), 58-71.
- Syah, A. A., Bustomi, I., & Kodir, F. A. (2023). Kajian Modul Bimbingan Perkawinan untuk Calon Pengantin dan Fondasi Keluarga Sakinah Bacaan Mandiri Calon Pengantin Perspektif Filsafat Hukum Keluarga Islam Ibnu 'Āsyūr. *Mahkamah Jurnal Kajian Hukum Islam*, 8(1), 71-91.
- Syaibani, S. (2023). Career Women In Achieving Samawa Family In The Post-Truth Era Islamic Legal Perspective. *MAQASID*, 12(2), 1-19.
- Thorik, A., & Pamula, F. R. (2025). The Sakinah Family from The Perspective of Islamic Legal Sociology. *Jurnal Ilmiah Ahwal Syakhshiyah (JAS)*, 7(1), 68-85.
- Ulfatmi, Jandra, M., Ta'rif, T., Mujad, M., & Zulpadrianto, Z. (2025). Building Sakinah family based on Islamic values of education. *Indonesian Journal of Islam and Muslim Societies*, 15(1), 85-107.
- Yuniria, M., Dedi, S., & Warlizasusi, J. (2022). Implementasi Ikrar Sighat Taklik Talak Dalam Membentuk Keluarga Sakinah Mawaddah Wa Rahmah. *Al Qalam Jurnal Ilmiah Keagamaan Dan Kemasyarakatan*, 16(5), 177-1794.
- Zulkifli, H. S. M., Saidon, R., & Aziz, A. (2022). Approach in Managing Conflict in A Long Distance Marriage. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 8(1), 1-12.